

08/08/1999

Bangunan JPJ perlu diroboh

MENYAKITKAN MATA ... keadaan bekas bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) lama di Bandar Hilir, Melaka menyakitkan pemandangan orang ramai yang lalu-lalang.

Sudahlah bangunan itu usang dan tidak terjaga, pokok-pokok liar yang tumbuh di atas bumbung dan di bahagian lain menunjukkan bangunan itu tidak sesuai lagi dikekalkan.

Sebelum ini, bangunan itu dijadikan rumah kongsi beberapa pekerja kontrak ketika Hotel Equatorial yang terletak di sebelahnya, sedang dalam pembinaan.

Oleh itu, pelbagai pihak, termasuk Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah perlu mengatasi masalah ini.

Ini adalah kerana hotel ini akan menjadi tempat bermalam serta pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional ketika lawatan beliau dua hari ke Melaka mulai 9 Ogos ini.

(END)